

Wanita didenda aniaya anjing

TAIPING 3 Feb. - Seorang wanita didenda RM4,000 oleh Mahkamah Majistret di sini hari ini setelah mengaku bersalah mengabaikan tanggungjawab menjaga seekor anjing peliharaannya, Mac tahun lalu.

Anna Teoh Poh Ling, 41, membuat pengakuan bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Majistret Mohamed Ruhizat Abdullah.

Mengikut pertuduhan, Poh Ling didakwa telah membenarkan penderitaan yang tidak perlu terhadap anjing berwarna hitam jenis Rottweiler dengan mengabaikan tanggungjawab dalam penjagaan kebajikan binatang tersebut.

Dia didakwa tidak memberi makan dan minum secukupnya, memberi rawatan dengan sebaiknya dan gagal memberikan kaedah penjagaan yang munasabah tanpa sebab yang munasabah.

Perbuatan itu didakwa dilakukan wanita terbabit kira-kira pukul 9.50 pagi, 6 Mac tahun lalu di rumah No. 31 Lorong MB 7, Taman Medan Bersatu, Kampung Boyan di sini.